



PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN ALAM SEKITAR

Misi

Menyokong aspirasi negara dalam agenda perindustrian ke arah alam sekitar yang lestari

Visi

Program akademik yang diiktiraf di peringkat antarabangsa

Latar Belakang Pusat Pengajian

Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar merupakan pusat pengajian UniMAP yang ke tujuh. Pusat pengajian ini ditubuhkan secara rasmi pada Januari 2006. Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar menawarkan dua program pengajian, iaitu Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Alam Sekitar (Kepujian) dengan pengambilan pertamanya pada Julai 2006 dan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Bangunan (Kepujian) pada Julai 2008.



Program ini dicadangkan sejajar dengan Pelan Pendidikan 2001-2010 untuk menghasilkan jurutera yang berupaya menangani cabaran-cabaran globalisasi dan K-ekonomi ke arah mencapai tahap negara maju sepenuhnya.

Program Yang Ditawarkan:

Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) Kejuruteraan Alam Sekitar (RK07)

Program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Alam Sekitar dibangunkan bagi memenuhi keperluan guna tenaga professional yang semakin meningkat, terutamanya dalam bidang-bidang berkaitan. Keperluan ini dinyatakan dengan jelas di dalam Laporan Pelan Induk Perindustrian Negara.

Program ini bukan sahaja memberi penekanan kepada bidang kejuruteraan awam sahaja sebagaimana yang diamalkan universiti konvensional lain, tetapi ia juga merangkumi bidang kejuruteraan kimia.

Secara umumnya, walaupun bidang kejuruteraan alam sekitar ini masih baru di Malaysia, ia mempunyai potensi untuk berkembang dengan lebih meluas.



Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) Kejuruteraan Bangunan (RK82)

Kejuruteraan Bangunan adalah sebuah bidang kejuruteraan multi-disiplin yang menggunakan pendekatan kejuruteraan holistik terhadap perancangan, rekabentuk, pembinaan, operasi dan penyelenggaraan bangunan, dan juga impak terhadap persekitaran sekelilingnya. Disiplin ini memerlukan pengetahuan yang meluas berintegrasikan disiplin-disiplin tradisional seperti kejuruteraan awam, mekanikal dan elektrikal; fizik; kimia dan biologi; senibina; dan ekonomi.

Para pelajar Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Bangunan akan dilatih secara menyeluruh berkenaan semua fasa dalam kitaran hayat sesebuah bangunan dan mempelajari untuk menghargai bangunan sebagai sebuah sistem teknologi termaju yang memerlukan pengintegrasian terperinci pelbagai sub-sistem dan komponen-komponen individunya. Masalah teknikal dan penyelesaian bersesuaian dipelajari untuk meningkatkan prestasi sesebuah bangunan.

Kemudahan-kemudahan yang terdapat di Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar:

- Makmal Anatikal
- Makmal Biologi
- Makmal Kejuruteraan Alam Sekitar
- Makmal Kejuruteraan Kimia
- Makmal Geopersekitaran
- Makmal Kejuruteraan Awam
- Makmal Teknologi Air
- Makmal Kawalan Pencemaran Udara
- Makmal Konkrit
- Makmal Geoteknik
- Makmal Perkhidmatan Bangunan
- Makmal Ujian Kebakaran
- Makmal Akustik

